

Headline **Jadi lokasi pertama**  
Date **02 Jan 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **P20**  
Article Size **301 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,656**  
PRValue **4,967**



# Jadi lokasi pertama

Penanaman semula benih pokok balak di Hutan Simpan Kekal Tembeling Tengah

**KUALA TEMBELING** – Hutan Simpan Kekal Tembeling Tengah dipilih Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) sebagai lokasi pertama penanaman semula benih pokok balak bermutu tinggi di negara ini.

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar Frim, Dr Shamsuddin Ibrahim berkata, Frim juga memilih lokasi itu sebagai model Kajian Pembangunan Teknologi Pengurusan Hutan Secara Lestari.

Menurutnya, kedudukan lokasi projek iaitu kira-kira 14.5 kilometer dari jalan pelancongan Taman Negara Kuala Tahan berdekatan Sungai Retang berupaya menampung bekalan kayu balak bermutu tinggi untuk tempoh 30 tahun.

“Projek ini dilaksanakan bertujuan mengekalkan ekosistem dan memulihara biodiversiti termasuk kajian hidrologi sebagai antara fungsi hutan di negara ini.

“Kita menanam sebanyak 7,230 anak pokok kayu balak setinggi satu setengah meter pada fasa pertama. Penanaman itu turut membabitkan buah-buahan tempatan di kawasan seluas 2.5 hektar iaitu bekas tapak penebalakan dahulu,” katanya.

Shamsuddin berkata, penanaman anak pokok balak bermutu tinggi itu adalah model pengurusan hutan secara lestari dan penanaman intensif pokok balak berasaskan pelan Tindakan Strategik Frim 2004-2013.

Menurutnya, projek itu turut membolehkan institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/S) dan antarabangsa menjalankan kajian untuk mengetahui pengurusan hutan selain mempelajari mengenai pelbagai jenis kayu bermutu tinggi.

Headline **Jadi lokasi pertama**  
Date **02 Jan 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **P20**  
Article Size **301 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,656**  
PRValue **4,967**

“Penanaman balak ini adalah projek rintis di luar kawasan Frim di Kepong dengan perancangan akan datang adalah melebarkan projek sama seluas 9.2 hektar sedikit masa lagi.

“Ia berasaskan kajian hidrologi dan pemuliharaan hutan. Sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan kerajaan untuk Frim menyelenggarakan dan menanam benih, membaiki jalan, jambatan kecil serta pengurusan lain sehingga ia siap,” katanya.

Hadir sama, Ketua Penyelidik Hutan Asli Frim, Dr Ismail Harun dan Pegawai Penyelidik Kanan Frim, Wan Mohd Shukri Wan Ahmad.



■ Dr Shamsuddin (dua, kiri) bersama sekumpulan penyelidik Frim menanam benih pokok cengal ketika meninjau projek Pembangunan Teknologi Pengurusan Hutan Secara Lestari di Hutan Tekal Tembeling.